

# KESEDIAAN ATLIT UNIVERSITI TERHADAP KERJAYA USAHAWAN INDUSTRI SUKAN

Asiah Mohd Pilus<sup>1</sup>, Rosli Saadan<sup>1</sup>, Salleh Aman<sup>2</sup>,  
Mohd Nizam Nazarudin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Sukan  
Universiti Malaya, Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Emel: asiah@utem.edu.my, roslisaadan@utem.edu.my,  
amans@um.edu.my, mnizam@ums.edu.my

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen kesediaan atlit universiti untuk menceburi bidang keusahawanan industri sukan sebagai kerjaya. Aspek yang dikaji berkaitan elemen-elemen seperti sikap, pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan keusahawanan industri sukan. Kajian ini adalah kajian deskriptif iaitu kajian kes dengan melibatkan atlit universiti mengikut program kecemerlangan sukan dan sukan tumpuan di institusi pengajian tinggi. Instrumen kajian yang digunakan berbentuk soal selidik dengan menggunakan skala Likert. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji melalui kajian rintis terhadap atlit universiti. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statiscal Package for the Social Sciences. Penemuan kajian menunjukkan atlit univ ersiti mempunyai elemen-elemen kesediaan keusahawanan bidang industri sukan. Hasil kajian ini juga mengenal pasti demogرافي atlit universiti mempunyai kesediaan untuk menjadikan bidang keusahawanan dalam industri sukan sebagai kerjaya. Selain daripada sikap positif atlit universiti juga memilih elemen pengetahuan dan kemahiran terhadap kesediaan untuk menjadi usahawan industri sukan. Kajian ini mencadangkan kursus keusahawanan industri sukan dalam kalangan atlit univ ersiti sebelum bergradu at sebagai persediaan menceburi bidang keusahawanan industri sukan.*

**Kata Kunci:** *industri sukan, atlit universiti, keusahawanan, perniagaan sukan, pemasaran sukan, pengurusan sukan.*

## **1.0 PENGENALAN**

Keusahawanan dan pengurusan industri sukan adalah bidang penting yang menyediakan pasaran pekerjaan serta berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Ini menyebabkan negara memerlukan bilangan usahawan yang ramai. Di peringkat institusi pengajian tinggi Malaysia, Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) digariskan bertujuan untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan pelajar IPT tempatan. Dasar ini juga dengan harapan ramai lagi usahawan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin transformasi ekonomi negara berpendapatan tinggi dan berinovasi menjelang 2020 (DPKIPT, 2010). Justeru itu, kesediaan atlit universiti perlu dikenal pasti untuk membantu mereka dalam bidang keusahawanan industri sukan sebagai pilihan profesion.

Keusahawanan adalah merupakan sebahagian daripada pengurusan sukan serta mewujudkan daya saing individu dan organisasi yang terlibat dalam sukan. Berthon, (2008) mendefinisikan kesediaan keusahawanan sebagai keupayaan atau kebolehan untuk meletakkan diri dalam sesuatu perniagaan. Kajian oleh Heiko dan Lautenschläger (2011) pelajar universiti kerjaya usahawan disebabkan pendapatan lumayan, situasi semasa dan pasaran kerja, kesedaran diri menghadapi cabaran serta peluang perniagaan. Ini disokong oleh Norfadhilah Nasharudin dan Halimah Harun (2010) pelajar institusi pengajian tinggi awam menunjukkan sikap positif memilih kerjaya usahawan. Norasmah Othman dan Mohd Hasril Amiruddin (2011) pula mencadangkan strategi perancangan untuk meningkatkan tahap aktiviti perniagaan melalui latihan keusahawanan dalam kalangan belia. Penemuan oleh Zaidatol Akmaliah (2009) menunjukkan pelajar universiti mempunyai skor sederhana terhadap faktor berkaitan dengan keinginan dan keberkesanan keusahawanan dalam aspek-aspek pengurusan, kewangan dan pemasaran. Namun kajian berkaitan kerjaya usahawan industri sukan terhadap atlit universiti tempatan masih belum dilakukan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen kesediaan atlit universiti memilih kerjaya usahawan industri sukan.

## **2.0 METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ini adalah kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah kajian awal ini kerap digunakan dalam penyelidikan keusahawanan. Pemilihan reka bentuk kajian ini

dilakukan kerana kesesuaiannya untuk mengenalpasti elemen-elemen kesediaan keusahawanan bidang industri sukan dalam kalangan atlit universiti. Prosedur tadbir soal selidik dilakukan untuk memperolehi kebolehpercayaan dapatan kajian yang tinggi. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat kajian utama untuk mengumpul maklumat responden tentang kesediaan atlit universiti terhadap kerjaya usahawan industri sukan. Responden kajian terdiri daripada atlit program sukan kecemerlangan dan sukan tumpuan mengikut universiti. Kajian deskriptif adalah untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Pemilihan kaedah ini juga berdasarkan rasional yang melibatkan kekangan masa, tenaga dan kewangan (Wiersma & Jur, 2005).

Instrumen kajian ini berbentuk soal selidik. Soal selidik ini terdiri pada lima bahagian iaitu Bahagian A (8 item Sikap), B (13 item Pengetahuan), C (5 item Kemahiran Pemasaran) dan dan Bahagian D (Profil Responden). Responden memberi maklumat bagi item-item Bahagian A, B dan C dengan mengikut skala Likert yang terdiri "Amat Tidak Setuju (1)", "Tidak Setuju (2)", "Kurang Setuju (3)", "Setuju (4)" dan "Amat Setuju (5)". Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul maklumat tentang kesediaan kerjaya sebagai usahawan industri sukan dalam kalangan atlit universiti. Alat kajian diuji kesahan dan kebolehpercayaan melalui kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan. Maklumat yang diperolehi dianalisis berdasarkan objektif kajian. Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan min bagi setiap pembolehubah. Pengaturcaraan *Statistical Package of the Social Science* (SPSS versi 16.0) digunakan untuk memudahkan pengiraan dan memastikan ketepatan pengiraan. Statistik deskriptif digunakan untuk mengenal pasti kesediaan atlit universiti menceburi kerjaya usahawan industri sukan.

### **3.0 DAPATAN KAJIAN**

Profil demografi atlit universiti bagi sampel kajian ini terdiri daripada atlit universiti bagi program kecemerlangan sukan dan sukan tumpuan KPT. Responden kajian adalah sebanyak 260 atlit universiti daripada 17 IPT. Responden yang terpilih sebagai sampel kajian adalah mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi jantina, umur, bangsa, status perkahwinan, fakuliti, tahun pengajian, jenis sukan, tahap penglibatan, pencapaian sukan dan latar belakang ibu-bapa responden.

Berdasarkan jantina responden, sebanyak 152 responden lelaki dan 108 responden perempuan. Dari segi umur responden, majoriti responden

berada dalam lingkungan umur antara 21 hingga 23 tahun iaitu 157 orang diikuti dengan lingkungan umur 18 hingga 20 tahun iaitu 54 dan lingkungan umur 24 hingga 26 tahun iaitu 46 orang. Manakala hanya terdapat tiga responden yang mencapai lingkungan umur 27 tahun ke atas. Bagi responden mengikut bangsa iaitu 198 orang Melayu, diikuti 45 orang Cina, lain-lain bangsa 15 orang dan dua orang India. Terdapat 257 responden berstatus bujang dan tiga responden bujang. Responden mengikut fakulti pula, majoriti responden daripada fakulti sains sosial iaitu sebanyak 147 orang, diikuti 73 orang fakulti kejuruteraan, 24 orang sains tulen dan 16 orang sains sukan dan rekreasi. Berdasarkan tahun pengajian, sebanyak 79 orang tahun satu, 82 orang tahun dua, 70 orang tahun tiga, 26 orang tahun empat dan 3 orang tahun lima.

Sebanyak 188 responden terdiri daripada atlit universiti mengikut program sukan tumpuan dan 72 atlit universiti program kecemerlangan sukan. Mengikut tahap pencapaian responden pula, sebanyak iaitu 138 orang di peringkat universiti, 65 orang di peringkat negeri, 31 orang di peringkat antarabangsa dan 26 orang di peringkat kebangsaan. Berdasarkan pencapaian pingat, sebanyak 112 orang pingat emas, 76 lain-lain tahap pencapaiann, 40 orang pingat perak dan 32 orang pingat gangsa. Sebanyak 141 berpengalaman dalam sukan lebih daripada 5 tahun, diikuti 6 hingga 10 tahun iaitu 76 orang, 11 tahun hingga 15 tahun iaitu 37 tahun dan berpengalaman lebih daripada 16 tahun iaitu enam orang.

Manakala mengikut pekerjaan bapa responden, 84 orang pesara, 68 orang penjawat awam, 51 orang penjawat sektor swasta, 34 orang berniaga dan 23 orang bekerja sendiri. mengikut pekerjaan bapa responden pula, 84 orang pesara, 68 orang penjawat awam, 51 orang penjawat sektor swasta, 34 orang berniaga dan 23 orang bekerja sendiri. Pekerjaan ibu responden pula, 145 orang pesara, 61 orang penjawat awam, 21 orang penjawat sektor swasta, 16, suri rumah, 9 lain-lain pekerjaan dan 8 orang berniaga.

Jadual 1 menunjukkan min elemen sikap kesediaan atlit universiti terhadap kerjaya usahawan industri. Hasil kajian mendapati tiga pilihan utama sikap kesediaan atlit universiti iaitu bekerja gigih (Min = 4.15), gembira walaupun orang lain melakukan lebih baik dalam industri sukan (Min = 4.06) dan kejayaan berpendapatan tinggi (Min = 3.73). Atlit universiti suka bekerja sendiri (Min = 3.28) dan menubuhkan syarikat perniagaan industri sukan walaupun bukan pilihan utama kesediaan untuk menjadi usahawan industri sukan (Min = 3.52).

Jadual 1: Dimensi Terhadap Kerjaya Usahawan Industri Sukan

DIMENSI	ITEM	MIN	SD
<b>Sikap</b> (Min : 4.12 SD: 0 .37)	Bekerja gigh untuk pencapaian industri sukan	4.15	.69
	Gembira apabila orang lain melakukan sesuatu yang lebih baik dalam industri sukan	4.06	.82
	Untuk mendapatkan wang yang banyak dalam industri sukan	3.73	1.02
	Berpendapatan tinggi dalam industri sukan, ia adalah satu tanda kejayaan dalam hidup	3.72	1.0
	Seronok bekerja dalam persekitaran industri sukan	3.57	1.12
	Memerlukan perubahan yang berterusan walaupun tidak pasti dalam industri sukan	3.68	.80
	Suka bekerja sendiri dalam industri sukan	3.28	1.08
	Sukan menubuhkan sebuah syarikat perniagaan industri sukan	3.52	.92
<b>Pengetahuan</b> (Min : 3.63 SD: 0 .52)	Usahawan industri sukan berkait rapat dengan mencipta produk sukan	3.72	.85
	Usahawan industri sukan menentukan masa depannya sendiri untuk berjaya	3.83	.85
	Usahawan industri sukan mempunyai ramai kawan	4.16	.82
	Usahawan industri sukan kebolehan menggunakan komputer	4.22	.80
	Industri sukan adalah berkaitan dengan apa yang diinginkan oleh pengguna sukan	4.14	.77
	Perniagaan industri sukan melibatkan pertukaran antara dua pihak	3.83	.75
	Ahli perniagaan sukan adalah seorang usahawan sukan	3.67	.89
	Usahawan industri sukan adalah lebih berpendapatan daripada ahli perniagaan industri sukan	3.42	.78
	Ahli perniagaan industri sukan adalah berorientasikan keuntungan	3.52	.87
	Usahawan industri sukan perlu tahu bagaimana hendak mengira duit	4.00	.87
	Sebelum saya memulakan perniagaan industri sukan, perancangan perniagaan industri sukan perlu disediakan	4.23	.75
	Usahawan industri sukan perlu merancang untuk mengelakkan kesukaran	4.16	.81
	Perancangan industri sukan perlu jelas dan terperinci	4.33	.6
<b>Kemahiran Pemasaran</b> (Min : 3.63 SD: 0 .52)	Kajian pasaran adalah penting untuk memastikan produk dan perkhidmatan industri sukan boleh dijual kepada pengguna	4.20	.69
	Pengiklanan adalah penting untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan industri sukan	4.25	.71
	Kemahiran menghasilkan dan menjual dalam indusrti sukan adalah sama penting	4.15	.74
	Perancangan adalah penting bagi mengawal kadar keuntungan dan kerugian perniagaan industri sukan	4.27	.70
	Strategi promosi yang berkesan menentukan keuntungan dalam perniagaan industri sukan. (4.05)	4.05	.76

Bagi elemen pengetahuan pula, hasil kajian mendapati tiga pilihan utama pengetahuan kesediaan atlit universiti iaitu mengenai perancangan industri sukan yang jelas (Min = 4.33) iaitu (1) sebelum responden memulakan perniagaan industri sukan, perancangan perniagaan industri sukan perlu disediakan (Min = 4.23) dan kebolehan menggunakan komputer dalam keusahawanan industri sukan (Min = 4.22). Manakala elemen berkaitan usahawan industri sukan adalah berpendapatan lebih tinggi daripada ahli perniagaan industri sukan

(Min = 3.42) dan ahli perniagaan industri sukan adalah berorientasikan keuntungan (Min = 3.52) dua pilihan kesediaan atlit universiti yang paling rendah untuk menjadi usahawan dalam industri sukan.

Manakala elemen kemahiran pemasaran sukan, hasil kajian mendapati tiga pilihan utama iaitu (1) perancangan adalah penting bagi mengawal kadar keuntungan dan kerugian perniagaan industri sukan (Min = 4.27) diikuti (2) faktor pengiklanan adalah elemen penting untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan industri sukan (Min = 4.25) dan (3) kajian pasaran untuk memastikan produk dan perkhidmatan industri sukan boleh dijual kepada pengguna (4.20). Manakala elemen kemahiran pemasaran iaitu kemahiran menghasilkan dan menjual dalam industri sukan adalah sama penting (4.15) strategi promosi yang berkesan menentukan keuntungan dalam perniagaan industri sukan (4.05) adalah dua pilihan kesediaan atlit universiti yang paling rendah untuk menjadi usahawan dalam industri sukan.

#### **4.0 PERBINCANGAN**

Hasil kajian mendapati tiga pilihan utama sikap kesediaan atlit universiti untuk bersedia menceburi keusahawanan dalam industri sukan iaitu bekerja gigih, gembira walaupun orang lain melakukan lebih baik dalam industri sukan dan ingin memperolehi pendapatan tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Berthon (2008) menjelaskan kesediaan keusahawanan iaitu berkebolehan dengan untuk menyesuaikan diri dalam aktiviti perniagaan. Ini konsisten dengan hasil kajian oleh Norfadhilah Nasharudin dan Halimah Harun (2010) mendapati aspirasi pelajar institusi pengajian tinggi awam menunjukkan sikap positif. memilih kerjaya usahawan.

Haase dan Lautenschläger (2011) mendapati pelajar universiti bersedia memilih kerjaya usahawan disebabkan faktor seperti pendapatan lumayan, inisiatif bekerja sendiri, cabaran, peluang serta kuasa perniagaan. Ini disokong oleh kajian Norasmah Othman dan Mohd Hasril Amiruddin (2011), maklumat dan pengetahuan tentang kerjaya dalam bidang keusahawanan diperlukan dan mencadangkan strategi perancangan untuk meningkatkan tahap aktiviti perniagaan dalam kalangan belia. Dapatan mereka konsisten dengan kajian oleh Zobairy dan Boroujerdi (2010), mendapati pelajar pendidikan sukan mempunyai kreativiti dalam aktiviti keusahawanan walaupun mereka tidak mempunyai maklumat berkaitan kemahiran pemasaran.

Hasil kajian ini menjelaskan bahawa pengetahuan, maklumat dan kemahiran keusahawanan khusus dalam bidang industri sukan perlu diterapkan kepada atlit universiti sebelum mereka menamatkan pengajian. Atlit universiti juga diberi pendedahan berkaitan perancangan, pengurusan dan pemasaran sukan dalam aktiviti perniagaan industri sukan. Hasil kajian ini juga mendapati kemahiran mengurus perniagaan sukan yang menjadi pilihan elemen kesediaan atlit universiti iaitu kemahiran kawalan untung rugi perniagaan, promosi dan jualan produk serta perkhidmatan industri sukan dalam keusahawanan sukan.

Penemuan ini menunjukkan bahawa elemen kesediaan potensi atlit universiti untuk menceburi perniagaan dalam industri sukan. Justeru itu, kajian ini mencadangkan kursus dan latihan aktiviti perniagaan industri sukan dapat meningkatkan lagi kesediaan atlit universiti untuk memilih kerjaya usahawan industri sukan sebagai profesion selepas bergraduat.

## RUJUKAN

- Bhandari Narendra C. (2006). Intention for Entrepreneurship among Students in India, *Journal of Entrepreneurship*.15(2) pg 169 -179.
- Borgese, A (2010), Educating Sports Entrepreneurs: Matching Theory to Practice. *The Sport Journal* (ISSN:1543-9518).
- Brown, M.T. (2003). An Analysis of Online Marketing in the Sport Industry: User Activity, Communication Objectives and Perceived Benefits. *Sport Marketing Quarterly*, 12(1), pg 49 -55
- Chan Kim Ling, Sivapalan Selvadurai & Bahiyah Abdul Hamid (2000) Malay youth entrepreneurship in Malaysia: An empirical update. *Malaysian Journal of Society and Space* 5(2), (55 - 67).
- Fereshteh, G.G, Jamal, F.H & Iraj. M (2009) Factors Influencing the Entrepreneurship in Iran's Agricultural Cooperatives. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 3(2): 1170 – 1176.
- Fitzsimmons, J.R & Douglas, E.J., (2005). Entrepreneurial Attitudes and Entrepreneurial Intentions: A Cross-Cultural of Potential Entrepreneurs In India, China, Thailand And Australia, *Babson-Kauffman Entrepreneurial Research Conference*, Wellesley, MA.
- Heiko Haase & Arndt Lautenschläger (2011). A Career Choice Motivations of University Students. *International Journal of Business Administration*. 2(1), 1 – 13.

- Md Mohar & Mohd Hassan Mohd Osman (2002). Sustainable and Holistic Development Program Among Bumiputera Entrepreneurs. *Proceeding National Leadership Conference*, UTM, Skudai, Johor. 1 – 10.
- Mohar Yusof, Manjit, S.S & Kamal Kishore Jain (2007). Relationship Between Psychological Characteristics and Entrepreneurial Inclination : A case study of students at University Tun Abdul Razak (UNITAR). *Journal of Asia Entrepreneurship and Sustainability*: Vol. III. 2. pg. 1 – 19.
- Muhamad Asri Abd Ghani (2012) Transformasi dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru PROSIDING PERKEM VII, JILID 1) 696 - 708 ISSN: 2231 – 962X *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*, Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Ipoh, Perak 4 – 6 Jun 2012.
- Norashidah Hasim, Norasmah Othman dan Noraishah Buang (2009). Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia (Entrepreneurship Readiness Concept Based on Case Study of Small Medium Industry (SME) Entrepreneurs in Malaysia). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 187 – 203.
- Norasmah Hj. Othman & Salmah Ishak (2009). Attitude Towards Choosing a Career in Entrepreneurship Amongst Graduates. *European Journal of Social Sciences*, 10(3), pg. 419 – 434.
- Norasmah Othman, Mohd Hasril Amiruddin & Mazura Mansor (2011). The Entrepreneurial Behavior of Orang Asli Youths in South Peninsular Malaysia. *International Journal Of Education And Information Technologies*. 5(1), pp.132 – 139.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Insitituti Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1). 11-17.
- Pierre Berthon, L. P.P. (2008). E-realtionship for e-readiness; Culture and corruption in International e-B2B. *Industrial Marketing Management*, 83-91.
- Ratten, V. (2010). Sport-based entrepreneurship: towards a new theory of entrepreneurship and sport management. *International Entrepreneurship and Management Journal* 4 p. 20 – 25.
- Sweeney, J. (2007). Sportscastr: Ten controversial issues confronting the sports industry. *The Futurist*, 41(1), 35–39.
- Vishal K. Gupta & Anne S. York (2008) Attitudes toward entrepreneurship and small business Findings from a survey of Nebraska residents and small business owners. *Journal of Enterprising Communities: People and Places in the Global Economy* Vol. 2(4), pp. 348-366.



- Wiersma, W. & Jur, S. G.(2005). *Research Methods in Education – A Introduction 8<sup>th</sup> Edition*. Pearson Education, Inc.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, (2009). Entrepreneurship as a Career Choice: An Analisis Entrepreneurial Self-Efficacy and Intention of. *European Journal of Social Sciences*, 9(2), pg. 338 -349.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pirie & Habibah Elias (2004). Keupayaan Usahawan Bumiputera Melaksanakan Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Kes. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 12(1): 61-70.
- Zobairy, M.1, S.Boroujerdi, S.2, Aliabadi, S. (2010). The Survey Of Entrepreneurships Readiness Of Physical Education Students With Emphasis On Gender In Governmental And Private University. 11<sup>th</sup> International Sports Sciences Congress, Antalya 10 to 12 October 2010.

Penghargaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas penajaan geran penyelidikan (FRGS/2010/PBPI/SS02/3-F00112)

